




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **69 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **58,580 kes**. Tiada kes kematian direkodkan hari ini.
- 2 Jumlah pesakit COVID-19 discaj dari hospital / sembuh 141 menjadikan jumlah kumulatif 57,387 orang. Seramai 638 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 225 orang di hospital dan 413 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam. Bilangan pesakit dalam ICU pula ialah 28 orang dan 17 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada pertambahan zon merah dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah sembilan (9) daerah
- Zon Jingga dua (2) daerah
- Zon Kuning sembilan (9) daerah
- Zon Hijau tujuh (7) daerah

5 Terdapat satu (1) kluster baharu direkodkan hari ini.

**Kluster Jalan Tunku Kota Kinabalu** melibatkan kakitangan dan pekerja pembersihan Pejabat Lembaga Hasil Dalam (LHDN) Negeri Cawangan Kota Kinabalu. Kes indeks merupakan wanita, 66, kakitangan pembersihan di Tingkat 2 bangunan tersebut yang disahkan positif hasil saringan bergejala di Klinik Kesihatan Luyang, pada 23 April 2021. Susulan kes itu, pasukan kawalan mengaktifkan aktiviti pengesanan kontak dan arahan ujian saringan COVID-19 juga telah dikeluarkan. Setakat hari ini, jumlah kumulatif bagi kluster ini ialah 10 kes merangkumi tiga (3) kes di Kota Kinabalu, empat (4) kes di Papar, dua (2) kes di Putatan dan satu (1) kes di Penampang.

6 Daripada 69 kes positif COVID-19, sebanyak 26 kes (37.7%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, 13 kes (18.9%) saringan bergejala, 23 kes (33.3%) dari kluster sedia ada serta tujuh (7) kes (10.1%) dari lain-lain kategori.

7 Jumlah kapasiti katil 3,972 unit

- Hospital 542 unit
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,910 unit
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 520 unit.

Peratus penggunaan katil 16.06%.

## B KAWALAN PERGERAKAN RENTAS DAERAH

1 Kerajaan Negeri memutuskan Aktiviti rentas daerah **TIDAK DIBENARKAN** mulai 10 hingga 16 Mei 2021 **KECUALI** atas urusan kecemasan.

2 Dalam tempoh ini, Kota Kinabalu, Putatan dan Penampang dikategorikan sebagai satu daerah.

3 Pihak PDRM akan melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR) bagi mengawal pergerakan rentas daerah semasa tempoh yang dinyatakan.

## C SOP HARI RAYA AIDILFITRI NEGERI SABAH 2021

SOP Hari Raya Aidilfitri Negeri Sabah 2021 adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

## D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

1 Setakat ini bagi Fasa 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **409** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **55,812** orang.

2 Bagi Dos 2 vaksin, seramai **502** orang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **49,664** orang.

- 3 Bagi Fasa 2 Program Immunisasi COVID-19 Kebangsaan, seramai **1,975** orang telah menerima suntikan vaksin harian Dos 1 menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **20,459** orang.
- 4 Bagi Dos 2 vaksin Fasa 2, tiada yang telah menerima suntikan hari ini menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **satu (1)** orang.
- 5 Bilangan pendaftaran penerima vaksin hari ini sejumlah **2,451** menjadikan jumlah kumulatif yang mendaftar setakat ini sebanyak **474,131** (mysejahtera 418,761 : laman web 55,125 : talian vaksinasi 245) bersamaan 16.2%.

#### **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **319,285** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

#### **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 39 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 13,167 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 43 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 69 hebahan melalui kereta peronda dengan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak lima (5) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - Dua (2) orang : Tidak memakai pelitup muka
  - Tiga (3) orang : Gagal menyediakan peralatan/merekod butiran pelanggan

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 102 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 37 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan, satu (1) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan dan Dermaga sabah 2002.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 1,764 lokasi melibatkan seramai 213 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 54 anggota di 60 lokasi.
- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan dua (2) buah daerah iaitu Kinabatangan dan Sandakan.
- 7 Sejumlah 67 hebahan awam dibawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 14 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 373 hebahan di seluruh sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.5%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

| BIL | DAERAH        | PERATUS |
|-----|---------------|---------|
| 1   | Kudat         | 98%     |
| 2   | Beluran       | 98%     |
| 3   | Tenom         | 98%     |
| 4   | Kota Marudu   | 98%     |
| 5   | Beaufort      | 98%     |
| 6   | Sipitang      | 98%     |
| 7   | Tuaran        | 97.5%   |
| 8   | Ranau         | 97.5%   |
| 9   | Kinabatangan  | 97.5%   |
| 10  | Lahad Datu    | 97.5%   |
| 11  | Kota Kinabalu | 97.5%   |
| 12  | Kunak         | 97.5%   |
| 13  | Keningau      | 97.5%   |
| 14  | Semporna      | 97%     |
| 15  | Sandakan      | 97%     |
| 16  | Penampang     | 97%     |
| 17  | Tawau         | 97%     |
| 18  | Kota Belud    | 97%     |
| 19  | Papar         | 97%     |

- 2 Ayuh, segera daftarkan diri anda untuk menerima vaksin COVID-19 melalui MySejahtera.

**Sekian.**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**

**06 MEI 2021**

LAMPIRAN A

**SOP HARI RAYA AIDILFITRI NEGERI SABAH 2021**

| BIL | AKTIVITI                                      | SOP   |
|-----|---|---|
| 1   | TAKBIR RAYA DI MASJID/SURAU                   | <ul style="list-style-type: none"> <li>DIBENARKAN;</li> </ul>   |
| 2   | AMALAN TAKBIR DARI RUMAH KE RUMAH             | <ul style="list-style-type: none"> <li>TIDAK DIBENARKAN;</li> </ul>   |
| 3   | SOLAT SUNAT HARI RAYA DI MASJID/SURAU         | <ul style="list-style-type: none"> <li>DIBENARKAN mengikut ketetapan Pihak Berkuasa Agama Negeri Sabah;</li> <li>Kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah dan golongan berisiko tinggi TIDAK DIGALAKKAN;</li> </ul>  |
| 4   | JAMUAN SELEPAS SOLAT HARI RAYA DI MAJID/SURAU | <ul style="list-style-type: none"> <li>DIBENARKAN dengan syarat penyediaan makanan secara berbungkus dan diedarkan kepada para Jemaah untuk dibawa pulang;</li> </ul>   |
| 5   | ZIARAH HARI RAYA                              | <ul style="list-style-type: none"> <li>DIBENARKAN dengan syarat:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Hanya di kalangan ahli keluarga yang terdekat TIDAK MELEBIHI 20 ORANG;</li> <li>Tinggal dalam lingkungan daerah yang sama sahaja; dan</li> <li>Tertakluk kepada saiz kapasiti rumah;</li> </ol> </li> </ul> |
| 6   | ZIARAH TANAH KUBUR                            | <ul style="list-style-type: none"> <li>DIBENARKAN tidak melebihi enam (6) orang bagi satu lot kuburan dengan had masa TIDAK MELEBIHI 30 MINIT serta penjarakinan fizikal;</li> </ul>  |

|   |   |   |
|---|---|---|
| 7 | PENGANJURAN SEBARANG MAJLIS HARI RAYA DAN RUMAH TERBUKA | <ul style="list-style-type: none"> <li>TIDAK DIBENARKAN; dan</li> </ul>   |
| 8 | LOKALITI PKPD   | <ul style="list-style-type: none"> <li>SEMUA AKTIVITI PERAYAAN DI LOKALITI PKPD ADALAH TIDAK DIBENARKAN.</li> </ul> |